

## PROGRAM KEAGAMAAN DALAM MEMANTAPKAN KEROHANIAN TERHADAP BANDUAN DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK MACHANG KELANTAN

***RELIGIOUS PROGRAM IN STRENGTHENING SPIRITUALITY FOR  
PRISONERS AT MACHANG KELANTAN MORAL REHABILITATION  
CENTER***

Mohd Miqdad Aswad Ahmad<sup>1</sup>  
Ahmad Murshidi Mustapha<sup>2</sup>  
Zanirah Mustafa @ Busu<sup>3</sup>  
Noraini Junoh<sup>4</sup>  
Nik Muniyati Nik Din<sup>5</sup>

<sup>1 2 3 4 5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia. (E-mail: zanir126@uitm.edu.my)

### Article history

Received date : 5-9-2022  
Revised date : 6-9-2022  
Accepted date : 4-11-2022  
Published date : 8-11-2022

### To cite this document:

Ahmad, M. M. A., Mustapha, A. M., Mustafa @ Busu, Z., Junoh, N., & Nik Din, N. M. (2022). Program Keagamaan Dalam Memantapkan Kerohanian Terhadap Banduan Di Pusat Pemulihan Akhlak Machang Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 47 - 61.

**Abstrak:** Ajaran agama adalah satu perkara yang wajib di terapkan dalam diri setiap manusia kerana peranannya amat besar dalam kehidupan samada membawa kearah kebaikan dan juga sebagai benteng pelindung serta pencegah dalam menangani pelbagai permasalahan sosial, termasuklah isu pengulangan dadah. Perkara inilah juga yang dilaksanakan oleh pihak penjara ataupun pusat pemulihan akhlak kerana model kehidupan beragama sahaja yang boleh mengawal keimanan diri menjadi sempurna dunia dan akhirat. Antara program bimbingan yang dijalankan ialah dalam bentuk modul kerohanian merangkumi penguasaan ilmu fardu ain dan ilmu-ilmu berkaitan agama dalam diri setiap banduan dan seterusnya merealisasikan kemantapan dan keberkesanan penghayatan Islam dalam kehidupan mereka, sama ada ketika menjalani hukuman lebih-lebih lagi selepas mereka dibebaskan. Oleh itu, Jabatan Penjara Malaysia mengambil langkah yang terbaik dalam usaha mentarbiah dan mendidik para penghuni di penjara. Kajian kualitatif ini akan melihat satu program keagamaan yang dilaksanakan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) di Machang, Kelantan iaitu program Fitrah Suci. Ini melihat kepada bentuk-bentuk modul yang telah dilaksanakan serta kaedah penyampain yang dibuat berbanding modul kerohanian lain yang telah dilaksanakan di pusat pemulihan dan penjara yang lain.

**Kata kunci:** Modul kerohanian, Tarbiah Fitrah Suci, Amalan Agama.

**Abstract:** Religious teaching is a must-have matter for every human being because its role is so important in life whether it leads to good or as a protective fortress and preventive in dealing with various social issues, including the issue of drug repetition. This is also what the prisons are doing because only the model of religious life can control the faith of the world and the hereafter. Among the mentoring programs that are in the form of spiritual modules include mastery of Fardhu Ain knowledge and religious knowledge in each inmate and thus realising the stability and effectiveness of Islamic appreciation in their lives, whether they are sentenced after they are released or not. Therefore, the Prison Department of Malaysia has taken paramount steps to educate the residents. In this qualitative study, the prison will observe a religious program implemented at the Moral Rehabilitation Center (PPA) in Machang, Kelantan, the Fitrah Suci Program. It will observe the forms of modules that have been implemented and the method of the presentation compared to other spiritual modules that have been implemented at other rehabilitation centers and prisons.

**Keywords:** Spiritual Module, Fitrah Suci, Religious Practice.

---

## Pendahuluan

Agama, *Deen* dan *religion* merupakan satu perkataan dan ungkapan yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat untuk merujuk kepada kepada anutan atau pegangan seperti agama Islam, agama Kristian dan lain-lain agama. Agama turut disertakan dalam pegangan dan keyakinan atau diertikan sebagai pegangan akidah terhadap kepercayaan dan pegangan individu sebagai seorang yang beragama. Dalam kontek agama Islam, pengertian agama boleh diertikan sebagai satu kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan kepada yang Maha Kuasa dan seseorang yang memeluk Islam disebut seorang Mukmin (Kamus Dewan, 2005).

Dalam hal aktiviti keagamaan ia melibatkan dua perkara iaitu kegiatan atau perbuatan dan keagamaan melibatkan aktiviti atau memiliki sifat-sifat agama dalam amalan tersebut (Poerwodarminto, 1997). Keagamaan turut disebut sebagai aktiviti atau perkara yang berkaitan dengan agama sebagai contohnya khutbah, solat, puasa dan lain-lain lagi (Kamus Dewan, 2005). Keagamaan juga melibatkan amalan atau ibadah khusus dan umum bagi memantapkan kerohanian ahli ibadat yang bertujuan untuk mencari dan mendekati Tuhan. Namun begitu terdapat satu istilah lain yang merujuk kepada aktiviti keagamaan yang lebih mendalam dan khusus iaitu mistisisme yang membawa maksud kepada amalan kerohanian seperti tasawuf (Kamus Dewan, 2005).

Hamka (2019) mengungkapkan seluruh manusia adalah dari satu keluarga, fitrahnya manusia sentiasa mencari hubungan dengan Tuhan Yang Pencipta sehingga berjumpa dan akhirnya menyerah kepada agama iaitu Islam. Kehidupan manusia sewajarnya melalui fasa-fasa tertentu dalam pencarian mereka dalam proses mencari Tuhan. Pelbagai kaedah dilaksanakan bagi mencapai tujuan tersebut dan akhirnya perjalanan ini dinamakan sebagai fitrah kehidupan manusia dalam mencari makna diri dengan tatacara kehidupan keagamaan.

Kajian ini akan melihat program-program keagamaan yang dilaksanakan di Pusat Pemulihan Akhlak Machang. Dalam kajian mendapat terdapat program mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian terhadap para banduan. Beberapa nilai dan program keagamaan dapat diajarkan kepada para banduan di penjara melalui beberapa kegiatan yang memilik sifat keagamaan dan kerohanian. Aktiviti kerohanian akan membawa para banduan diberi pendidikan, aktiviti dan

modul untuk menjadikan mereka mengaetahui perbuatan yang menyebabkan mereka dihukum merupakan satu kesalahan di sisi agama. Selanjutnya, aktiviti kerohanian akan menuntun para peserta dari kalangan banduan untuk bertindak sesuai kehendak agama (Frans Magnis Suseno, 2000).

Jabatan Penjara Malaysia (JPM) merupakan pihak atau institusi terakhir dalam melaksanakan sistem keadilan jenayah negara (Criminal Justice System) dan bertanggungjawab kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KDN) (Hasnizam Hashim et. al, 2018). Penjara atau pusat pemulihan akhlak merupakan satu tempat bagi mereka menerima hukuman setelah dijatuhkan hukuman bersalah. Kesalahan yang pelbagai dan juga punca yang berbeza berdasarkan latar belakang pendidikan banduan yang berbeza menyebabkan pelbagai aktiviti keagamaan untuk mereka juga dipelbagaikan. Penjara juga bukan sahaja menjadi tempat hukuman, bahkan ia juga menjadi tempat penyesalan dan juga tempat pemulihan kepada mereka di atas apa yang mereka telah lakukan. Sebagaimana pandangan daripada Dato' Seri Haji Zulkifli bin Omar (2014) penjara ialah memberikan tempat duduk atau tempat tinggal untuk mereka yang didapati bersalah oleh mahkamah akan ditahan, dikawal dan menjalani pelbagai program pemulihan. Selain itu penjara bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai satu institusi yang bertanggungjawab dan berperanan untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuhan masyarakat.

Justeru kajian ini dijalankan bagi mengkaji dan menyorot program-program keagamaan bagi memantapkan amalan kerohanian para penghuni di Pusat Pemulihan Akhlak Manusia, Machang yang telah dan sedang dilaksanakan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini berasaskan data kajian yang telah dikenalpasti merupakan aset terpenting dalam sesebuah kajian. Tanpa kewujudan data, sesuatu kajian tidak akan berjaya mencapai objektifnya. Terdapat dua jenis data dalam bidang penyelidikan iaitu data primer dan data sekunder. Maksudnya data primer adalah data asli atau data mentah yang diperolehi dari sumber pertama misalnya melalui kajian lapangan. Manakala data sekunder pula adalah data yang telah diolah atau ditafsir dan bukan terhasil daripada kajian lapangan. Data ini biasanya diperoleh melalui kajian kepustakaan. Dalam penyelidikan lazimnya, penggunaan satu kaedah sahaja tidak memberi gambaran yang sebenarnya mengenai sesuatu permasalahan kajian. Oleh yang demikian, para penyelidik perlu bertindad dengan menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk mendapat maklumat dan data tentang persoalan kajian.

Kajian ini bebentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah lapangan dengan menemubual serta kepustakaan dan kajian teks bagi mendapatkan data. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis bagi mendapat data-data dan bukti-bukti melalui kajian ke atas dokumen serta rekod-rekod yang sedia ada. Kesan langkah ini turut membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian. Tugas dan fungsinya adalah bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian pengkaji.

### Sejarah Penubuhan Pusat Pemulihan Akhlak Machang (PPA) Machang

Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang, Kelantan beroperasi pada tahun 2008 dan merupakan projek pembinaan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK-8) dan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) dengan kos pembiayaan berjumlah RM 125.5 juta. Institusi ini terletak di laluan Lebuhraya Tanah Merah dan Machang, kira-kira 5 kilometer dari Bandar Machang, Kelantan. Kawasan premis dan tanah, dibawah pentadbiran Majlis Daerah Machang. Kapasiti banduan di PPA Machang ialah seramai 1500 dan kini hampir 2000.

Pusat Pemulihan Akhlak bertindak sebagai koreksional 1200 orang banduan, warga asing 150, LLPK (Tahanan Menteri) (500 banduan), POTA (Ancaman keselamatan “Daesh”) dan POKA (Gangster-gangster) dalam proses cadangan. Sistem pengoperasian Pusat Pemulihan Akhlak Machang ini menjadi satu dimensi baru di dalam sistem kepenjaraan di Malaysia ke arah mencapai visi menjadi Institusi Koreksional Bertaraf Dunia Menjelang 2020 (Pusat Pemulihan Akhlak Machang (2018). Seramai 8 orang pegawai yang berkhidmat di bawah bahagian agama termasuk dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Keseluruhan penghuni di PPA berumur antara 20 hingga 50 tahun. Majoriti penghuni di sini adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Dapatan yang diperolehi dari temubual kebanyakan peserta (90%) adalah terdiri dari pesalah dadah, jenayah lain juga kebanyakannya berkaitan dengan isu dadah yang mengakibatkan mereka mendorong untuk melakukan perbuatan mencuri, samun atau merompak, pecah rumah, mencederakan orang lain dan sebagainya. Namun, terdapat juga peserta yang dipenjarakan kerana kesalahan membunuh. Hasil daripada temubual yang dilakukan dengan peserta, bagi mendapatkan dadah amat mudah diperolehi. Terdapat pengakuan dari peserta bahawa tabiat mengambil dadah boleh ditinggalkan, namun *trigger* terhadap dadah sukar untuk dihilangkan (Aroki, 2018).

### Latar Belakang Bahagian Agama Dan Kaunseling

Sejarah penubuhan Bahagian Agama dan Kaunseling ditubuhkan melalui waran perjawatan yang diluluskan pada 15 Februari 2018 bagi memberikan perkhidmatan kepada kakitangan dan penghuni di Jabatan Penjara Malaysia. Sebelum itu, terdahulu Unit Psikologi dan Unit Agama di Jabatan Penjara Malaysia berada di bawah pentadbiran Bahagian Pengurusan Banduan. Ketika itu, perkhidmatan hanya tertumpu kepada penghuni penjara (JPM, 2022).

Walau bagaimanapun menyedari kepentingan perkhidmatan psikologi dan pengurusan keagamaan perlu diperluaskan kepada kakitangan, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil langkah dan inisiatif untuk memperkembangkan fungsi kedua-dua perkhidmatan tersebut melalui pewujudan Bahagian Agama dan Kaunseling (JPM, 2022).

Selain itu terdapat program yang telah dijalankan oleh pihak penjara yang dinamakan sebagai Program Pembangunan Insan (PPI) ialah satu sistem pemulihan yang bersepada, merangkumi segala aktiviti fizikal dan kerohanian. Pada awalnya program ini diperkenalkan pada Februari 2002. Program PPI dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap pembentukan disiplin dan disusuli dengan pembentukan sahsiah untuk membina semula sikap jati diri dan keyakinan diri dalam kalangan para pesalah (Hasnizam Hashim et. al, 2018).

Objektif program PPI ini, dibina berdasarkan sistem fasa dan bertujuan membentuk akhlak penghuni melalui sistem pemulihan yang lebih efektif dan efisien supaya mereka kembali

kepada masyarakat sebagai individu yang bertanggungjawab dan produktif berteraskan pembentukan sikap, kemahiran dan pengetahuan (Hasnizam Hashim et. al, 2018).

### **Objektif Bahagian Agama Dan Kaunseling Penjara**

Pihak Jabatan Penjara telah menetapkan enam (6) objektif utama bagi bahagian agama dan kaunseling penjara iaitu (JPM, 2022):

1. Mewujudkan dasar, punca kuasa dan program kerohanian serta intervensi bagi keperluan kakitangan dan banduan, tahanan, penghuni di Jabatan Penjara Malaysia.
2. Menyediakan perkhidmatan kepada kakitangan dan banduan, tahanan, penghuni yang berkeperluan dari perspektif kerohanian dan psikologikal.
3. Memantau perlaksanaan program dan aktiviti kerohanian dan (Islam dan Bukan Islam) psikologi kaunseling diperingkat Institusi penjara.
4. Melahir Pegawai Hal Ehwal Islam, Pembantu Guru Agama dan Pegawai Psikologi di Jabatan Penjara Malaysia yang kompeten dalam bidang kepenjaraan.
5. Menjadi penghubung kepada agensi dan NGO yang berhubungan dalam keperluan kerohanian dan psikologikal bagi kakitangan serta banduan, tahanan dan penghuni.
6. Menjadi pusat rujukan bagi hal berkaitan hal ehwal keagamaan dan psikologikal oleh bahagian atau agensi lain dari perspektif kepenjaraan.

Selain itu terdapat dua seksyen utama yang menjalankan aktiviti psikologi kaunseling dan aktiviti hal ehwal Islam yang menjalankan aktiviti khusus bagi penghuni yang beragama Islam. Dua (2) seksyen yang telah diperkenalkan ialah (JPM, 2022):

### **Seksyen Psikologi Kaunseling**

1. Menyelaras dan memantau perkhidmatan Psikologi Kaunseling jabatan.
2. Merancang meningkatkan kualiti perkhidmatan Psikologi Kaunseling jabatan.
3. Merancang program pembangunan untuk warga jabatan.
4. Merancang program pembangunan, pencegahan dan pemulihan untuk penghuni, banduan, tahanan di institusi jabatan.
5. Merancang dan menyediakan garis panduan dan promosi berkaitan perkhidmatan Psikologi Kaunseling dalam jabatan.
6. Merancang dan menyediakan anggaran belanjawan tahunan untuk Seksyen Psikologi Kaunseling.

### **Seksyen Hal Ehwal Agama**

1. Merangka dan menganalisis keperluan pendidikan dan latihan keagamaan kepada kakitangan dan penghuni Jabatan Penjara.
2. Membantu meneliti dan menambah nilai hal – hal yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran agama Islam untuk kakitangan banduan, tahanan dan penghuni
3. Memberi khidmat nasihat dan menambah nilai program – program keagamaan yang lebih efektif bagi memacu pengimaranan masjid dan surau kakitangan serta penghuni.
4. Membangun dan memantau perlaksanaan modul – modul bersesuaian untuk keperluan kakitangan dan penghuni berkaitan agama Islam
5. Merancang dan menyediakan kursus, bengkel, forum berkaitan dengan program – program latihan kerohanian dan pendidikan untuk kakitangan dan penghuni.
6. Menjalankan kerjasama antara agensi – agensi agama peringkat pusat dan negeri berhubung aktiviti agama Islam kakitangan dan penghuni.
7. Naziran program latihan kerohanian untuk kakitangan dan penghuni yang dilaksanakan oleh Institusi.

8. Membantu membangunkan dan menilai modul – modul yang dibangunkan untuk melihat kesesuaian dengan keperluan kakitangan, banduan, tahanan dan penghuni.
9. Memantau pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh Institusi Penjara kepada kakitangan dan penghuni.
10. Memudahcara, menyemak dan menyelaras aktiviti dan program lain – lain agama di institusi.

## Analisis Literatur

### Pendekatan Agama Dalam Fasa Pemulihan Banduan

Penjara yang diletakkan para pesalah daripada pelbagai kategori sehingga kepada jenayah berat bukanlah pengakhiran bagi mereka. Bahkan dengan pengisian dan ruang dakwah kepada mereka menjadikan pesalah lebih mengenali dan menghayati Islam (Berita Harian, 2020). Kajian Siti Jamaah et al. (2020) menjelaskan bahawa pendekatan dan pendedahan keagamaan semakin diterima dalam modul pemulihan di institusi-institusi penjara di Malaysia. Melalui analisis T-test Pairs menunjukkan program keagamaan yang dilaksanakan memberi perubahan yang ketara terhadap nilai penghayatan agama oleh para banduan. Kajian Siti Jamiaah Abdul Jalil et al. (2016) juga menunjukkan bahawa pihak Jabatan Penjara Malaysia telah merangka modul pemulihan kepada banduan dengan mengetengahkan modul keagamaan. Hasil kajian ini menunjukkan program pemulihan melalui pendekatan agama mampu mempengaruhi pembentukan konsep kendiri para banduan. Kefahaman terhadap agama yang tinggi, kekuatan akidah dan pelaksanaan ibadah dan syariat dapat membantu pembinaan konsep kendiri banduan wanita ke arah yang lebih positif.

Usahasama antara Jabatan Penjara Malaysia dengan para agamawan intelek dari universiti tempatan telah menyediakan modul untuk dijadikan panduan para guru agama penjara melebarkan sayap dakwah dalam mengembalikan fitrah banduan sebagai muslim. Sepanjang menjalani hidup dengan program keagamaan, para banduan membina kekuatan dengan belajar cara hidup beragama bermula dari awal pagi hingga malam. Kehidupan mereka penuh dengan pengisian ibadah dan ilmu, sehingga ada banduan yang mampu menghafaz al-Quran dan membaca al-Quran secara bertarannum (Ab. Aziz Mohd Zin et al., 2018). Kajian yang dijalankan tiga buah sekolah pemulihan akhlak terpilih di Malaysia oleh Fauziah Ibrahim et al. (2012) mendapat majoriti remaja bermasalah akhlak yang terlibat dengan kajian ini mempunyai tahap pengetahuan keagamaan pada tahap sederhana. Proses pemulihan yang dijalankan perlu menitikberatkan nilai yang berasaskan agama untuk memperkasakan sahsiah remaja dari segi akhlak dan moral. Jamaludin Mustaffa et al. (2019) juga berpendapat bahawa bagi memastikan proses pemulihan dan pengawasan parol dapat dilaksanakan dengan jayanya, maka pengetahuan agama dalam kalangan banduan perlu diutamakan bagi mengelak mereka daripada terjebak semula melakukan kesalahan yang sama. Bekas banduan yang mempunyai kepuatan yang tinggi kepada agama merupakan individu yang kurang terdedah melakukan aktiviti jenayah.

Hal ini kerana tahap kesedaran dan kefahaman agama yang rendah dalam diri banduan, berdasarkan kepada kajian Khadijah Alavi et al. (2013). Hasil kajian tersebut juga menunjukkan majoriti banduan parol yang terlibat dalam kajian ini mempamerkan tahap pengetahuan agama pada tahap sederhana dan rendah iaitu masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 48.6 peratus. Hanya 2.9 peratus sahaja dalam kalangan banduan parol menunjukkan tahap pengetahuan agama yang tinggi. Hasil kajian ini memberi implikasi ke arah keperluan dalam pemantapan agama bagi tujuan membina kesedaran dan keinsafan para

banduan. Oleh itu, faktor keagamaan merupakan aspek penting dalam proses pemulihan yang melibatkan pesalah banduan di penjara Jamaludin Mustaffa et al. (2019). Pihak Jabatan Penjara Malaysia khususnya perlu memperkasakan program keagamaan dalam pemulihan banduan dan ditambah baik dari masa ke semasa agar matlamat pemulihan banduan bukan sahaja berjaya malah perubahan tingkah laku positif banduan lebih bersifat lestari sekali gus mengurangkan kes residivis atau kes banduan berulang (Siti Jamiaah et al., 2020).

### **Program Kerohanian Banduan Penjara**

Di Jabatan Penjara Malaysia (JPM), Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan) bertindak dalam merencana dan melaksanakan program pemulihan ke atas banduan. Program Pembangunan Insan (PPI) yang merangkumi pelbagai fasa bertujuan sebagai pemulihan yang bersepadau, merangkumi fizikal dan kerohanian. Pada Fasa Pengukuhan Sahsiah, penekanan kepada Modul Halaqah khusus bagi yang beragama Islam yang mengandungi pengajian Akidah, Fekah, Tilawah al-Quran, Tafsir, Hadis, Sirah, Akhlak dan Kesejahteraan Insan. Usaha ini bagi membolehkan mereka dapat dikembalikan kepada masyarakat sebagai individu yang bertanggungjawab dan produktif berteraskan pembentukan sikap (Hasnizam Hashim, 2018). Selain kelas agama dan al-Quran yang disediakan bahagian agama penjara, turut diadakan pelbagai pengisian ceramah agama oleh penceramah jemputan dalam usaha membentuk keinsaf dan penyesalan secara ikhlas dengan kesilapan yang telah dilakukan oleh para banduan. Pendekatan agama yang komprehensif dapat memberi keinsafan sebenar dan bukan hanya insaf kerana menerima hukuman sebat dan penjara dalam tempoh masa tertentu (Mohd Rafi Mamat, 2020).

Justeru, Bahagian Agama Penjara Malaysia (BAPEM) ialah bahagian yang berperanan dalam pengisian dan pengukuhan agama para banduan. Sebagai contoh Program Sentuhan Rohani yang dijalankan melalui pengisian Slot Kerohanian Bersama Kakitangan Dan Anggota, Ceramah Agama Bersama Tahanan Radikal, Tausiyah Kerohanian Bersama Banduan Blok Akhir, Mini Forum Hal Ehwal Islam Bersama Penghuni serta Tazkirah Jumaat memberi kesan untuk pembentukan spiritual dan jatidiri (BAPEM, 2022). Selain daripada itu, penubuhan Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah di Penjara Kluang antara usaha baik dalam memperluaskan cabang pemulihan penghuni penjara sekali gus memperlengkapkan banduan dengan aspek kerohanian. Nadi perubahan insan adalah melalui keutamaan kepada pendidikan agama (BERNAMA, 2013).

Kajian Siti Jamaah et al. (2020) menjelaskan bahawa antara bentuk pendekatan kerohanian yang dijalankan kepada para banduan ialah Program Halaqah yang merupakan modul pemulihan melalui pendekatan agama di dalam Pelan Pembangunan Insan (PPI) yang diperkenalkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM). Selain itu, penekanan seperti di sekolah agama dengan subjek seperti akidah, tauhid, fikah, sirah, al-Quran, tajwah dan hafazan turut diberikan kepada para banduan dalam konteks pemulihan. Metode halaqah diaplikasikan dengan keadaan duduk bersila dan terdapat guru atau penceramah yang melakukan pengisian rohani (Abdul Monir Bin Yaacob, 2004). Kajian Saifulazry Mokhtar et al. (2021), telah menganalisis modul kerohanian Jabatan Penjara Malaysia dalam rangka salah satu daripada Fasa Pengukuhan Sahsiah ialah Program Pendidikan dan Bimbingan. Dalam Program Pendidikan dan Bimbingan ini, semua banduan didedahkan dengan ilmu fardu ain dan ilmu-ilmu berkaitan agama dalam diri setiap banduan dan seterusnya merealisasikan kemantapan dan keberkesan penghayatan Islam dalam kehidupan mereka, sama ada ketika menjalani hukuman lebih-lebih lagi selepas mereka dibebaskan.

Empat aspek utama yang ditekankan iaitu al-Quran dan hadis, akidah, feqah dan sirah serta akhlak. Hasilnya, program Halaqah ini memberi kesan yang sangat positif kepada semua banduan. Khairul Hamimah Mohammad Jodi et al. (2015) menerusi kajian mereka terhadap pesalah-pesalah yang terpilih secara rawak di Penjara Kajang menunjukkan bahawa Program Halaqah adalah rawatan teras bagi banduanita beragama Islam yang berjaya mencapai objektifnya iaitu sebagai medium dakwah mendorong banduan berbuat baik dan berubah menjadi insan mulia. Kejayaan Program ini berasaskan kepada lima modul iaitu modul akidah, fekah, al-Quran, hadith dan sirah serta akhlak. Selain daripada itu, Kajian Khairul Hamimah Mohammad Jodi et al. (2012) juga menganalisis program Modul Pelan Pembangunan Insan iaitu program Terapi Komuniti. Dapatkan kajian ini menunjukkan nilai keislaman seperti dedikasi, kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi penekanan keutamaan untuk membentuk peribadi pelatih yang komited, bersungguh-sungguh dan rajin melakukan pembaikan diri.

Kajian Siti Afifah Munirah Salleh dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2014) mengetengahkan bentuk pelaksanaan dan penerapan manhaj Rasulullah s.a.w dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di penjara khususnya dalam pengajian tafhiz al-Quran (3T), merangkumkan kaedah talaqqi, tadarrus dan tafhiz al-Quran dan program-program kerohanian yang lain secara umumnya. Usaha pembelajaran al-Quran kepada banduan adalah untuk memastikan mereka dapat mengaplikasikan pengajian al-quran serta memahaminya dalam kehidupan mereka setelah dibebaskan kelak.

### **Analisis Aktiviti Kerohanian Dan Keagamaan Di Ppa Machang**

Program ini dijalankan sebanyak dua kali sebulan. Sehingga kini sebanyak sebelas sesi telah dijalankan. Program dijalankan bermula pukul 2 petang hingga selesai solat asar (4.30) kecuali pada sesi kelima ianya dijalankan dari jam 9.30 pg hingga 12.30, bersamaan dengan aktiviti asyura. Kajian ini merupakan sebuah entiti koreksi yang profesional dilakukan dalam kalangan para akademik dan pegawai agama dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Kelantan. Seramai 100 orang banduan (OB) atau peserta modul dalam lingkungan umur 20 hingga 50 tahun dipilih sebagai responden atau peserta modul. Tempoh perlaksanaan Program Fitrah Suci bermula pada bulan September 2017 sehingga Februari 2018 iaitu selama 6 bulan. Pemilihan peserta dilakukan oleh Pegawai Unit Agama PPA sendiri setelah melepas FASA yang ditentukan. Kebenaran bagi melaksanakan temubual telah diperoleh semasa proses perlaksanaan program tersebut. Manakala penglibatan fasilitator atau penceramah dalam kalangan kakitangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Kelantan adalah secara sukarela yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang agama. Data dikumpul secara temu bual dan responden atau peserta modul ditemubual oleh pengkaji sendiri dengan menggunakan temu bual separa berstruktur.

Temu bual separa berstruktur juga dilakukan kepada pegawai agama PPA yang bertugas mengawal perjalanan program tersebut. Kaedah pemerhatian juga gunakan disepanjang fasilitator mengendalikan program. Untuk merealisasikan proses tersebut, penyelidik atau fasilitator telah mengikuti prosedur-prosedur tertentu merangkumi perkara berikut iaitu memohon kebenaran bertulis untuk menjalankan program dengan pelbagai kaedah dan pendekatan dan memohon kebenaran untuk mengedarkan soal selidik dan menjalankan temubual dengan peserta modul. Data di dalam kajian ini dalam proses dikumpul dengan menggunakan kaedah pengumpulan secara kuantitatif. Zikir munajat dilakukan sebelum program dimulakan bagi memperolehi keberkatan majlis. Seterusnya di adakan sesi ceramah dan tazkirah yang di sampaikan oleh tenaga pengajar Akademi Pengajian Islam Kontemporari

(ACIS) UiTM, Kelantan. Setiap peserta modul di arahkan untuk membentuk kumpulan-kumpulan kecil dan melakukan perbincangan berdasarkan topik yang di kemukakan oleh fasilitator. Tayangan video juga digunakan dalam mempelbagaikan pendekatan ke arah menarik minat dan memotivasikan peserta modul dalam usaha memberi kesedaran dan keinsafan dengan melihat kisah-kisah yang memberi pengajaran dan iktibar. Fasilitator juga menyediakan soalan-soalan kuiz yang berunsurkan keagamaan bersesuaian dengan tahap para peserta modul. Sesi perbentangan dilakukan oleh para peserta modul supaya dapat memberi peluang kepada mereka berkongsi idea. Program ini boleh mengajak para peserta mengenal Islam, menerimanya serta beramal secara konsisten. Secara tidak langsung, program dakwah yang dilaksanakan dapat menyelamatkan para peserta dari kegelapan dan kesesatan dan membawa manusia ke arah kehidupan yang direhui Allah SWT.

Dalam menjalankan program ini, pihak Akademi Pengajian Islam Kontemplari (ACIS) adalah berdasarkan modul yang telah dirangka dan dilaksanakan secara bersama dengan 10 fasilitator pada setiap sesi selama 2 jam melibatkan 100 peserta dari pelbagai kesalahan. Pelaksanaan modul berdasarkan pelbagai tajuk yang bersesuaian seperti Akidah, Ibadat dan Akhlak. Selain itu terdapat juga sesi soal jawab yang dikendalikan secara kumpulan kecil dan juga besar. Kelebihan modul ini menunjukkan para peserta dapat bersama dengan fasilitator yang terdiri dari ahli akademik dan pegawai agama, secara tidak langsung mereka boleh terus bertanya soalan semasa sesi LDK dilaksanakan. Di bawah program ini, banduan didedahkan dengan mempelajari akidah, fekah, sirah, akhlak, al-Quran dan hadith bermula dari jam 2 tengahari sehingga 5.00 petang. Program ini bertujuan melahirkan penghuni yang dapat menghayati dan melaksanakan ajaran agama Islam sebagai cara hidup selepas mereka dibebaskan dari penjara kelak. Aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan mereka yang bermasalah perlu diberi perhatian utama (Pusat Pemulihan Akhlak, 2018).

Modul ini berhasil menyuntik kesedaran kepada para peserta untuk berubah dan lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pemahaman peserta terhadap asas ilmu agama turut dilihat telah membantu dan memotivasikan mereka supaya sentiasa mempersiapkan diri dengan bekalan ilmu agama serta pelaksanaan amalan soleh atau ibadah dengan cara yang sempurna. Penghuni terdorong untuk memperbaiki kehidupan ke arah lebih baik setelah sedar akan kesilapan diri sehingga menjadikan mereka tekad untuk meninggalkan perkara kemungkaran yang pernah dilakukan. Dalam konteks penyampaian isi dakwah kepada sasaran, pada asasnya tiga bentuk isi perlu diberikan perhatian oleh pendakwah khususnya kepada sasaran beragama Islam iaitu; pertama, memperkuuhkan dan memantapkan pegangan akidah; kedua, melaksanakan tanggung jawab syariat dan ketiga, menghayati akhlak luhur (Ab. Aziz Mohd. Zin, 2005). Kaedah penyampaian isi kandungan modul dipersembahkan dalam bentuk yang bervariasi serta bersesuaian dengan tahap pemahaman peserta seperti menggunakan kaedah penceritaan, perbandingan, mengajak penghuni berfikir dan merenung tentang ayat-ayat al-Quran, al-Sunnah serta kisah teladan dan sebagainya. Manakala asas kepada gaya persembahan isi tersebut ialah kepelbagaian isi yang dipersembahkan dalam keadaan yang menarik, tiada kejemuhan, mudah difahami serta diminati oleh semua orang (Ab. Aziz Mohd. Zin, 2005).


Kenyataan ini secara jelas menunjukkan bahawa pihak kami begitu komited dalam usaha menjayakan misi dakwah bagi memenuhi keperluan banduan yang selama ini begitu ketandusan pengetahuan agama. Pemilihan isi kandungan yang bertepatan dengan keperluan sasaran dakwah sememangnya adalah aspek yang perlu dititikberatkan supaya penerimaan mesej dakwah menjadi lebih berkesan. Keberkesanan program dakwah ialah sesuatu keadaan yang

mendatangkan pengaruh kepada pemikiran, sikap, watak seseorang atau daya tarikan kepada seseorang atau perasaan serta kecenderungan ke arah yang baik. Individu membina kepercayaan berdasarkan keberkesanan realiti apa yang dilalui, disertai, diamati dan diperhatikan. Hasil dari program Fitrah Suci adalah bagi mencapai visi seperti yang dinyatakan oleh Ab. Aziz et al. (2018) untuk melahirkan peserta yang mempunyai daya ketahanan diri yang mantap, menginsafi dan tidak akan mengulangi kesilapan silam berlandaskan syariat Islam serta berguna kepada agama, bangsa dan tanah air apabila mereka ini keluar dari pusat koreksional. Antara program-program keagamaan yang dirangka dalam memantapkan kerohanian banduan adalah melalui program Fitrah Suci. Program ini hasil inisiatif pihak UiTM Cawangan Kelantan dengan kerjasama PPA dan MAIK untuk mengajak para banduan kembali ke jalan fitrah, iaitu sentiasa mempersembahkan diri kepada Allah SWT. Program Fitrah Suci yang dilaksanakan di PPA Machang merupakan strategi utama membantu golongan banduan dalam membangun dan membina kekuatan jiwa. Menerusi program tersebut juga dijelaskan tentang kesan dan akibat kesalahan dan kesilapan yang dilakukan ke atas diri sendiri, maruah serta jati diri. Antara pengisian program ini adalah:

### Zikir Munajat

Zikrullah dalam makna yang luas merupakan pendekatan yang tepat dan efektif dalam menangani masalah dan krisis kejiwaan yang menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak dan moral dimana zikrullah juga berupaya menjadi agen pembersihan jiwa dan rohani (Masuriyati & Che Zarrina, 2016). Ibn Manzur (1955) dalam mendefinisikan zikir, menyatakan bahawa perkataan zikir berasal daripada Bahasa Arab. Dari segi Bahasa, perkataan ini mengandungi dua makna; Pertama, lafaz *al-dhikru*, iaitu menyebut dengan lisan. Kedua, lafaz *al-dhukru*, iaitu mengingat dengan hati. Zikir dalam konteks ibadat, merupakan suatu amalan disebut berzikir dan zikir Allah atau zikrullah bererti ingat kepada Allah atau menyebut Allah. Malahan solat, membacaal-Quran, ucapan tasbih, doa, syukur dan taat itu adalah termasuk dalam zikir (Ibn Manzur, 1955).

Zikir adalah satu amalan yang disyariatkan dalam Islam. Perintah supaya melaksanakan zikir ditemui dalam banyak ayat-ayat al-Qur'an dan juga hadis Nabi SAW. Ia adalah satu amalan yang disuruh supaya diperbanyak tanpa ada halangan dan keterikatan dengan syarat-syarat tertentu untuk diamalkan sebagaimana ibadah-ibadah lain seperti solat, puasa dan sebagainya. Ia adalah rahsia dan penghubung secara langsung antara hamba dengan Tuhannya. Setiap mukmin yang mengingati Allah SWT pasti akan diingati oleh-Nya. Ternyata bahawa amalan zikir bukan hanya sekadar ibadah, tetapi juga merupakan amalan yang boleh membersihkan dan menyucikan jiwa manusia, mendekatkan diri kepada penciptanya, membuka hijab rohani dan seterusnya mencapai ma'rifat terhadapNya (Abdul Manam, 2019).



**Rajah 1: Zikir munajat yang terdapat dalam modul Fitrah Suci**

Zikir munajat ini dibacakan beramai-ramai antara fasilitator dan banduan sebelum memulakan sesi-sesi yang lain. Zikir merupakan asas utama dalam perjalanan mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mencapai keredaanNya. Dengan berzikir, setiap banduan dapat merasai kedekatan dengan Allah SWT dan sebagai wadah untuk menyucikan jiwa mereka. Zikir merupakan satu amalan yang sangat berkesan dan berperanan besar dalam pembentukan saksiah muslim. Saksiah yang baik hanya terbina dan terbentuk dengan terbinanya hati yang menjadi wadah keimanan dan ketakwaan. Oleh itu, untuk membina saksiah para banduan yang baik, pembersihan dan penyucian hati perlu diberikan tumpuan dan keutamaan. Menurut Abdul Manam (2019), penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang menyentuh tentang persoalan zikir mendapatkan bahawa ia adalah amalan penyuci hati, pembuka hijab rohani, penguat keimanan, penghapus kemunafikan, pemadam gelora nafsu, penghalau gangguan syaitan dan sebagainya.

### **Majlis Ta’alim**

Setelah zikir munajat selesai, program diteruskan dengan majlis *ta’alim*. Menerusi slot *ta’alim*, penceramah akan menyampaikan tazkirah kepada banduan mengenai konsep penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah. Kemudiannya banduan akan dibahagikan kepada 10 kumpulan (LDK) dan setiap kumpulan akan dibimbang oleh seorang fasilitator daripada staf UiTMCK, Imam Jajahan Kuala Krai, Machang dan Tanah Merah dan Pegawai Agama Penjara.

Para banduan dibimbang mengenai penghayatan akidah, ibadah, akhlak dan syariah yang mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman atau kerohanian. Hal ini kerana kesempurnaan penghayatan keempat-empat dimensi yang disebutkan memberi kesan kepada kerohanian seseorang. Konsep penghayatan agama dalam segenap aspek kehidupan adalah dengan menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika hidup termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah SWT (Zulkiple & Nor

Salimah, 2006). Dengan ini, para banduan dapat memahami dan menyelami kehidupan sebagai seorang Muslim sejati. Justeru, seluruh kehidupan manusia mesti bersumber kepada agama yang mengandungi sistem hidup yang sesuai dengan fitrah kemanusiaan yang dapat direalisasikan dalam semua aspek kehidupan. Penghayatan sistem ini akan memandu para banduan mencapai halatuju dan matlamat sebenar kewujudan manusia di dunia ini dengan mengambilkira segala elemen dalam diri manusia iaitu jasmani, rohani, intelektual dan emosi. Justeru, majlis ta’lim ini diisi dengan beberapa tajuk penting mengenai penghayatan agama Islam yang diperlukan oleh setiap muslim.

| <b>DAFTAR KANDUNGAN</b>   |      |
|---|------|
| ■ Prakata   | ii   |
| ■ Daftar Kandungan  | vii  |
| ■ Zikir   | viii |
| ■ Konsep Manusia Sebagai Hamba: Hakikat Manusia Sebagai Hamba Allah           | 1    |
| ■ Iman & Taqwa : Asas Hidup Beragama  | 21   |
| ■ Konsep Ibadah Dalam Kehidupan   | 39   |
| ■ Konsep Ibadah Dalam Kehidupan: Solat Dan Kepentingan Dalam Kehidupan Muslim | 47   |
| ■ Penyucian Jiwa (Tazkiyatunnnafs)  | 59   |
| ■ Konsep Taubat: Dosa-Dosa Besar  | 73   |
| ■ Konsep Taubat: Keinsafan  | 87   |
| ■ Hakikat Kehidupan: Pemilihan Sahabat  | 101  |
| ■ Konsep Aqidah Islam   | 115  |
| ■ Konsep Ibtila’ (Ujian Dalam Kehidupan)                                      | 131  |
| ■ Konsep Manusia Sebagai Khalifah   | 149  |
| ■ Mensukuri Nikmat Dan Menghargai Kehidupan                                   | 169  |
| ■ Senarai Rujukan   | 185  |

**Rajah 2: Isi kandungan modul Fitrah Suci yang disampaikan dalam majlis ta’lim**

Hal ini jelas menunjukkan bahawa elemen agama merujuk kepada kerohanian amat diperlukan untuk dipelajari dan dihayati dengan baik. Seseorang yang mempunyai nilai-nilai agama dalam dirinya mampu meghalang dari melakukan sesuatu perkara yang buruk dan bercanggah dengan Islam (Nur Najihah & Syed Hadzrullahfi, 2017). Dengan ini, para banduan dapat memahami dengan jelas segala perilaku baik yang perlu dilaksanakan dan perilaku buruk yang perlu dihindari.

### ***Muhasabah al-Nafs***

Melalui Latihan Dalam Kumpulan (LDK), para banduan diberi peluang untuk bermuhasabah mengenai perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan dan dihubungkan dengan ajaran Islam. *Muhasabah al-nafs* merupakan antara amalan penting bagi memastikan konsistensi dan ketetapan hati menuju kepada Allah SWT seterusnya memperolehi kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Ia juga merupakan perbuatan menilai diri sama ada pada aspek fikiran, pendirian, dan lain-lain untuk menambah baik diri. Menurut al-Muhasibi (2009), muhasabah adalah seseorang memberi masa kepada akal buat seketika memikirkan perbuatannya adakah disukai Allah SWT ataupun tidak, dan akalnya sentiasa berfikir untuk menjaga dirinya daripada kejahatan hawa nafsunya. Justeru, muhasabah adalah satu jalan pemula untuk seseorang hamba itu untuk lebih dekat kepada Allah SWT, serta mendapat keredaan dalam setiap yang dilakukan (Sharifah Basirah et al., 2022). Dengan bermuhasabah, para banduan dapat memahami segala kekurangan diri yang perlu diperbaiki supaya setiap amalan mereka akan diterima oleh Allah

SWT. Dalam pada yang sama, para banduan dapat diterapkan dengan ilmu pengurusan diri, iaitu bagaimana individu itu mengurus dirinya agar sentiasa berada pada landasan jalan menuju keredaan Allah SWT.

Menurut Siti Suhaila, Nik Rosila & Mohamad Hashi (2018), tujuan melakukan muhasabah selepas setiap amal untuk melihat sama ada kesan positif atau negatif daripada tindakan melebihi satu sama lain. Ia disebabkan oleh perbuatan manusia yang selalunya hasil daripada kecenderungan jiwa lebih cenderung kepada keburukan daripada kebaikan. Justeru, para banduan dapat melihat kelemahan dan kekuatan dalam diri masing-masing melalui proses penilaian kendiri tersebut. Seterusnya para banduan perlu merancang strategi untuk menghapuskan segala perkara keji dan dapat menilai manfaat untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian dengan lebih bermakna.

## Kesimpulan

Islam merupakan agama rahmat yang menyantuni umat manusia dengan cara yang berhikmah dan adil. Setiap manusia yang melakukan kesalahan masih diberikan ruang untuk bertaubat dan menebus kesalahan mereka agar hidup kembali tenang dan harmoni. Dalam konteks pesalah atau banduan penjara, hukuman yang dijatuhkan kepada mereka merupakan keadilan yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara melalui badan kehakiman. Selayaknya hukuman yang dikenakan tersebut adalah berdasarkan kepada kesalahan yang telah dilakukan. Namun, hukuman ketika di dalam penjara bukanlah penentu kepada pengakhiran para banduan dengan kesalahan tersebut. Islam membuka jalan mengislahkan diri agar menjadi yang lebih baik pada pandangan masyarakat, lebih-lebih lagi pada pandangan agama. Pendekatan agama melalui aspek kerohanian terbukti mampu mengembalikan banduan ke arah jalan yang benar untuk menginsafi kesalahan yang dilakukan, lantas mengubah diri ke arah yang lebih baik serta positif. Pendekatan agama yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama pihak luar dilihat lebih komprehensif untuk fasa pemulihan banduan. Nilai agama dalam diri yang mencakupi akidah, syariah dan akhlak akan menjadi perisai daripada terjerumus kembali dalam kegelapan jenayah silam yang telah dilakukan.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan kerana memberi sokongan kewangan bagi penerbitan penyelidikan ini di bawah dana geran dalaman bertajuk Pembangunan Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Berdasarkan Konsep Hifz-Deen untuk Pesalah Pasca Penyalahgunaan Dadah (NO.600-TNCPI 5/3 DDN (03 (007/2020). Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pemulihan Akhlak Machang kerana menyokong sebahagian kajian ini.

## Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2018) Pendekatan Dakwah Terhadap Banduan Di Malaysia. Kuala Lumpur: UM Press.
- Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi. 2019. Zikir Dan Peranannya Dalam Pembentukan Sakhsiah.<https://muftins.gov.my/2019/04/19/zikir-dan-peranannya-dalam-pembentukan-sakhsiah/>. Diakses pada 31 Oktober 2022.
- Abdul Monir Bin Yaacob (2004) Proses Pemulihan dalam Tahanan. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2004/10/01/proses-pemulihan-dalam-tahanan/>. Tarikh akses 28 oktober 2022.
- Al-Muhasibi, Abu `Abdillah al-Harith bin Asad. 2009. Al-Ri`ayah li Huqūq Allah. Beirut: Dar al Kutub al-`Ilmiyyah.

- Fauziah Ibrahim et al. (2012) Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal Of Social Sciences And Humanities*. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol. 7. Bil. 1.
- Frans Magnis Suseno. (2000). *Etika Dasar*. Yogyakarta: Kanisius.
- Hamka. (2019). *Falsafah Ketuhanan*. Selangor: Jejak Tarbiah.
- Hasnizam Hashim et al. (2018) Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *Jurnal Undang-undang Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Edisi Khas, bil. 5.
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T'chiang & Ramalinggam Rajamanickam. (2018). Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*: Universiti Kebangsaan Malaysia, 72 – 85.
- Jamaludin Mustaffa et al. (2019). Pencapaian Perlaksanaan Program ODP di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Universiti Utara Malaysia. Jil. 22.
- Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khadijah Alavi et al. (2013) Tahap pengetahuan agama dalam kandungan banduan parol : ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *Journal Of Social Sciences And Humanities*. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol. 8. Bil. 2.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi et al. (2015) Program Koreksi Berasaskan Islam Melalui Program Halaqah Sebagai Medium Dakwah Kepada Banduan Di Penjara Kajang. *Jurnal Al-Hikmah*, Pusat Kajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. jil. 7 no. 2.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi et. al (2012) Nilai-nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara, *Jurnal Usuluddin*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Bil. 35
- Masuriyati Yahya & Che Zarrina Sa‘ari. (2016). Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam. *GJAT* 6 (1), 101-112.
- Mohd Rafi Mamat (2020) Banduan perlu dekat dengan agama. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/549377/banduan-perlu-dekat-dengan-agama>. Tarikh akses 28 Oktober 2022.
- Mohd Shaffie. (1991). Metodologi Penyelidikan edisi ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nur Najihah Ismai & Syed Hadzrullah Syed Omar. 2017. Kerohanian Islam: Penghayatan Dari Sudut Amalannya. Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Pamlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia: Kajang Selangor.
- Poerwodarminto. 1997. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Portal Berita Sinar Harian. Tirai besi 'ruang terbaik' pemulihan rohani<https://www.sinarharian.com.my/article/84765/berita/nasional/tirai-besi-ruang-terbaik-pemulihan-rohani>. Tarikh akses 28 Oktober 2022.
- Portal Kementerian Dalam Negeri, <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/beritakdn/1221-sekolah-agama-di-penjara-harapdapat-perluaskan-cabang-pemulihan-ahmadzahid>. Tarikh akses 28 Oktober 2022.

Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Bahagian Agama dan Kaunseling. <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-bahagian/agama-dan-kaunseling>. Tarikh akses 28 Oktober 2022.

Program Sentuhan Rohani Bersama Bahagian Agama Penjara Malaysia (BAPEM) Peringkat Penjara Sungai Buloh. Portal rasmi Jabatan Penjara Malaysia. [https://www.prison.gov.my/ms/arkib/49126-Program-Sentuhan-Rohani-Bersama-Bahagian-Agama-Penjara-Malaysia-\(BAPEM\)-Peringkat-Penjara-Sungai-Buloh](https://www.prison.gov.my/ms/arkib/49126-Program-Sentuhan-Rohani-Bersama-Bahagian-Agama-Penjara-Malaysia-(BAPEM)-Peringkat-Penjara-Sungai-Buloh). Tarikah akses 28 Oktober 2022.

Saifulazry Mokhtar et al. (2021) Analisis Modul Kerohanian Jabatan Penjara Malaysia Dan Impaknya Terhadap Banduan. Dalam Peradaban dan Isu Semasa, penerbitan Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Sharifah Basirah Syed Mohsin, Zarrina Sa'ari, Hasimah Chik & Sheriza Izwa Zainuddin. 2022. Muhasabah Al-Nafs (Self-Reflection) dalam Menangani Keresahan Spiritual (Spiritual Distress). Jurnal Usuluddin 50 (1): 43-72 43.

Siti Afifah Munirah Salleh dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2014) Pengaplikasian Manhaj Rasulullah S.A.W Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Program Pengajian Tahfiz Al-Quran Di Penjara Pengkalan Chepa Kelantan. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014, Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA.

Siti Jamiaah Abdul Jalil et al. (2016) Peranan Program Keagamaan Terhadap Pemulihan Konsep Kendiri Banduan Wanita di Malaysia. Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Jil. 18. Bil. 2.

Siti Jamiaah et al., 2020. Penerimaan Pendekatan Keagamaan dalam Pemulihan Banduan Di Penjara Malaysia. Jurnal Al-Hikmah, Pusat Kajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Jil. 12. No. 2.

Siti Suhaila Arsal, Nik Rosila Nik Yaacob & Mohamad Hashim Othman. 2018. Integration of Muhasabah Concept and Scaling Question Technique in Counselling. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 3(4), 23-29.

Temu bual dengan Puan Aroki. (2018). Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan.

Ucapan Perasmian Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Jabatan Penjara Malaysia dalam Seminar Sejarah Penubuhan Penjara Malaysia pada 16 Oktober 2014 di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

Zulkiple Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor. 2006. Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali. [https://core.ac.uk/display/11777171?utm\\_source=pdf&utm\\_medium=banner&utm\\_campaign=pdf-decoration-v1](https://core.ac.uk/display/11777171?utm_source=pdf&utm_medium=banner&utm_campaign=pdf-decoration-v1). Diakses pada 31 Oktober 2022.